

Jajah negara membangun

Eropah, Amerika guna ekonomi

21 10 1991

Oleh **SHAHARUDIN LATIF**

PETALING JAYA, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, hari ini **mendedahkan** kegiatan beberapa negara Eropah dan Amerika yang cuba menggunakan kuasa ekonomi untuk menjajah negara membangun.

Menurutnya, negara berkenaan, yang sudah hilang kuasa politik berikutan berakhirnya empayar jajahan mereka, menggunakan Pertubuhan Kanan Politik (NGO) untuk mencapai cita-cita penjajahan baru mereka.

Ini jelas, kata Perdana Menteri, daripada perkembangan baru fungsi NGO dalam mempertahankan kepentingan ekonomi negara maju. Sekatan berlandaskan alam sekitar, hak kemanusiaan dan demokrasi yang dulunya tidak dikaitkan dengan dagangan, sekarang digunakan.

Kumpulan Hijau atau Greens yang muncul sejak dekad 80-an, sekarang berjaya menggunakan pelbagai taktik, bukan hanya untuk menjaga alam sekitar, malah bertujuan menjajah.

"Mereka cuba menjejaskan prestasi negara membangun yang mencabar ekonomi mereka dengan pelbagai cara, termasuk menghasut dan melanggar undang-undang negara sasaran serta memperalatkan kumpulan dalam negeri untuk menyekat pertumbuhan ekonomi kita, terutama eksport barangan yang boleh menyaingi mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Ketua-ketua Perwakilan Malaysia 1991 dan pelancaran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, di Intan di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan pelbagai perkembangan baru itu, termasuk keruntuhan ideologi komunis di Eropah Timur dan Russia, perwakilan kita di luar negara harus lebih peka supaya dapat menyusun langkah menghadapi sebarang kemungkinan.

Beliau berkata, serentak perubahan haluan itu, perwakilan Malaysia di luar negara dikehendaki menumpukan perhatian kepada soal ekonomi, terutama dagangan. Ini kerana, pasaran dalam negeri terlalu kecil dan pertumbuhan ekonomi yang pesat bergantung kepada dagangan luar negeri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sebagai kumpulan penting, perwakilan negara mesti mempunyai pengetahuan mendalam mengenai undang-undang dagangan antarabangsa, perjanjian pelbagai hala dan dua hala serta dasar kumpulan negara tertentu.

Beliau berkata, hubungan rapat dengan negara jiran adalah satu daripada prinsip utama Malaysia dan itulah sebabnya ia mencadangkan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG). sekalipun tidak disukai kuasa tertentu.